

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak pelaksanaan undang-undang darurat di Malaysia, berapa jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menguatkuasakan Proklamasi Darurat itu.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Dalam tempoh Proklamasi Darurat dari 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan bagi membiayai pemerolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) di bawah Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021.
2. Dalam tempoh 21 April 2021 sehingga 30 Jun 2021, sejumlah RM 501.9 juta telah dibelanjakan. Bagi bulan Julai 2021, sejumlah RM 803.9 juta diunjur dibelanjakan, manakala bagi tempoh 1 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2021 pula, adalah diunjurkan sejumlah RM 2.54 bilion bakal dibelanjakan oleh KKM dan MOSTI.
3. Kos bagi membiayai inisiatif dan tindakan oleh agensi penguatkuasaan di bawah lain-lain Ordinan Darurat adalah menggunakan peruntukan kementerian/agensi masing-masing seperti yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 atau peruntukan tambahan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.